

# GoSecure

Lindungi legasi hidup dan perniagaan anda



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1300 22 6262

Apakah yang saya perlu buat untuk  
**fokus kepada perkembangan  
perusahaan saya,**  
tanpa perlu risau kepada kejadian tidak dijangka yang  
mungkin menjejaskan perusahaan saya?

Adakah perusahaan saya dilindungi  
dari segi kewangan jika saya  
meninggal dunia?

Adakah saya mempunyai sokongan  
kewangan yang mencukupi jika saya  
didiagnosis dengan penyakit kritikal?

Bolehkah saya menikmati manfaat  
tunai apabila polisi saya matang?

Bolehkah saya mendapatkan  
perlindungan dengan premium yang  
berpatutan?

Bolehkah saya memilih tempoh  
perlindungan?

Perluakah saya membayar premium  
sepanjang tempoh polisi?

Anda telah bekerja dengan tekun untuk membinakan perusahaan yang berjaya dan adalah penting untuk melindunginya daripada kejadian yang tidak dijangka. Untuk menjamin perusahaan kita, kita memerlukan pelan yang menawarkan perlindungan yang secukup supaya kita boleh terus mengembangkan perusahaan kita.

## Memperkenalkan

# GoSecure

# GoSecure+

GoSecure ialah pelan insurans bertempoh yang menawarkan fleksibiliti untuk memilih tempoh perlindungan dan tempoh pembayaran premium, amaun perlindungan untuk kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, dan opsyen untuk menerima manfaat matang.

GoSecure+ dilengkapi dengan perlindungan tambahan atas 45 Penyakit Kritikal.

### Perlindungan Tinggi

Nikmati perlindungan yang tinggi atas kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

### Premium yang Berpatutan

Lindungi orang kesayangan anda dari segi kewangan dengan premium yang berpatutan.

### Pilih perlindungan untuk 45 Jenis Penyakit Kritikal<sup>1</sup>

Tatkala menghadapi mana-mana 45 jenis Penyakit Kritikal, usah bimbang dan tumpukan kepada pemulihan anda.

### Tempoh Perlindungan & Tempoh Pembayaran Premium yang Fleksibel

Pilih tempoh perlindungan dan tempoh pembayaran premium yang bersesuaian dengan keperluan anda.

### Manfaat Matang

Pilih Jumlah yang Diinsuranskan Cash Booster anda untuk memperolehi manfaat matang yang bersesuaian.

### Premium Pelepasan Cukai

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

<sup>1</sup> Terpakai untuk GoSecure+. Anda boleh merujuk kepada Helaian Keterangan Produk untuk senarai 45 Penyakit Kritikal Yang Dilindungi.

Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Orang yang Diinsuranskan	Pemilik Polisi
Minimum	2 minggu	16 tahun
Maksimum	65 tahun	Tiada had

### Opsyen Tempoh Polisi

5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun, 35 tahun

Tempoh tetap

Sehingga umur yang dinyatakan:

umur 70, umur 75, umur 80

### Opsyen Tempoh Pembayaran Premium

5 tahun, 10 tahun, 20 tahun, Tempoh Penuh

Jumlah yang Diinsuranskan	Minimum: RM30,000
	Maksimum: tiada had, tertakluk kepada pengunderaitan

## Sorotan Ciri

### Perlindungan Asas

Nikmati perlindungan yang bersamaan dengan 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan atau jumlah premium asas yang dibayar (yang mana lebih tinggi) atas kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. (HUMK)

### Perlindungan Penyakit Kritikal

Pilih GoSecure+ untuk mendapatkan perlindungan setinggi 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan atau jumlah premium asas yang dibayar (yang mana lebih tinggi) jika menghadapi mana-mana daripada 45 Penyakit Kritikal.

### Cash Booster

Sertakan Cash Booster<sup>1</sup> dalam pelan anda untuk menikmati manfaat matang yang dipilih.

### Tempoh Perlindungan

Pilih daripada pilihan tempoh perlindungan dari 5 tahun sehingga umur 80 tahun yang sepadan dengan keperluan perlindungan anda.

### Premium yang Berpatutan

Lindungi orang tersayang anda dengan jumlah perlindungan pilihan anda pada premium yang berpatutan.

### Tempoh Pembayaran Premium

Pilih daripada pelbagai pilihan tempoh pembayaran yang bersesuaian dengan komitmen kewangan anda.

### Rider Pilihan

Meningkatkan perlindungan anda dengan menyertakan rider penepian premium seperti FWD Living Extra (Premium Waiver)<sup>2</sup> pada permulaan polisi GoSecure atau FWD Payor Enhanced (Premium Waiver)<sup>3</sup> pada permulaan polisi GoSecure dan GoSecure+.

<sup>1</sup> Jumlah premium yang dibayar untuk Cash Booster atau nilai tunainya (yang mana lebih tinggi) akan dibayar atas kejadian kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

<sup>2</sup> FWD Living Extra (Premium Waiver) akan mengetepikan premium jika Orang Yang Diinsuranskan menghadapi salah satu daripada 44 Penyakit Kritikal.

<sup>3</sup> FWD Payor Enhanced (Premium Waiver) akan mengetepikan premium jika Pembayar meninggal dunia, menjadi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau menghadapi salah satu daripada 44 Penyakit Kritikal, yang mana paling awal.

Terma & Syarat terpakai.

Sila dapatkan salinan Ilustrasi Jualan yang disediakan berdasarkan perlindungan yang diperlukan dan sila merujuk kepada Helaian Keterangan Produk untuk maklumat lanjut.

## Bagaimanakah GoSecure Berfungsi?

Roy merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya. Beliau menubuhkan Royz Sdn Bhd pada tahun 2020. Beginilah cara GoSecure dengan Cash Booster melindungi orang tersayang beliau dan menjamin perusahaannya dari segi kewangan:



Terdapat pilihan perlindungan dan pembayaran lain untuk dipertimbangkan oleh Roy seperti:

Pelan	Manfaat Asas Kematian/HUMK (RM)	Jumlah yang Diinsuranskan bagi Cash Booster (RM)	Tempoh Polisi	Tempoh Pembayaran Premium	Premium Tahunan (RM)	Manfaat Matang (RM)
GoSecure	1,000,000	0	20	5	15,210	0
GoSecure	1,000,000	0	20	20	4,840	0
GoSecure & Cash Booster	1,000,000	415,900	20	20	20,794	415,900

Ilustrasi di atas adalah berdasarkan seorang Lelaki, berumur 40 tahun, bukan merupakan seorang perokok, dengan Jumlah yang Diinsuranskan RM1,000,000. Sila dapatkan salinan Ilustrasi Jualan yang berdasarkan perlindungan yang diperlukan oleh anda daripada Penasihat Kewangan Kami.

## Pengecualian

### Kematian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika:

- a. Orang yang Diinsuranskan mati disebabkan oleh hukuman undang-undang; atau
- b. Orang yang Diinsuranskan mati akibat melakukan atau cuba melakukan suatu tindakan kecuaiian dan/ atau haram dan/ atau sebarang perbuatan yang bertentangan dengan polisi awam.

### Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) tidak akan dibayar jika HUMK ia berpunca secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagiannya, daripada mana-mana kejadian berikut:

- a. Penyakit/Keadaan Sedia Ada;
- b. percubaan membunuh diri semasa waras atau tidak waras;
- c. kecederaan yang disengajakan semasa waras atau tidak waras;
- d. semasa atau kerana Orang yang Diinsuranskan di bawah pengaruh alkohol, narkotik, dadah (tanpa mengira ia dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar) atau racun atau akibat menghidu gas atau wasap;
- e. melibatkan diri dalam aktiviti yang berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada bertinju, luncur salji, gusti, menyelam, mendaki gunung, menuruni bukit, berakit di sungai, meredah jeram, mana-mana perlumbaan selain perlumbaan berjalan kaki.

### Manfaat Penyakit Kritikal

Manfaat Penyakit Kritikal tidak akan dibayar jika Penyakit Kritikal secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagiannya disebabkan oleh mana-mana kejadian berikut:

- a. mana-mana penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal seperti yang ditakrifkan;
- b. mana-mana Penyakit/ Keadaan Sedia Ada;
- c. dari HIV atau penyakit berkaitan HIV atau AIDS kecuali Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, Serangan atau Pemindahan Organ, Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan dan AIDS Dengan Gejala Penuh seperti yang ditakrifkan;
- d. Penyakit Kritikal yang telah didiagnosis dalam Tempoh Menunggu.

Senarai pengecualian ini tidak menyeluruh, sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

## Nota penting

Risalah ini mengandungi penerangan ringkas tentang produk dan adalah tidak menyeluruh. Untuk pengetahuan lebih lanjut tentang produk ini, sila mendapatkan salinan Ilustrasi Jualan dan Helaian Keterangan Produk. Untuk maklumat terperinci tentang manfaat, pengecualian, terma dan syarat polisi, sila rujuk kontrak polisi.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu atau Bahasa Cina bagi brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Anda harus berpuas hati bahawa ini merupakan pelan terbaik untuk memenuhi keperluan dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Premium untuk GoSecure, GoSecure+ dan Cash Booster adalah terjamin. Polisi ini tidak akan mempunyai Nilai Tunai Terjamin pada penyerahan awal melainkan anda telah membayar premium selama 3 tahun. Jika anda menyerahkan polisi anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat kembali kurang daripada jumlah yang anda telah bayar.

Jika polisi ini dibatalkan dalam Tempoh Pengamatan Percuma selama 15 hari, Syarikat akan membayar balik semua premium yang anda telah bayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan kepada anda.



## Untuk maklumat lanjut

Sila hubungi mana-mana Penasihat Kewangan kami, sembang secara langsung dengan kami di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



**Talian Khidmat  
Pelanggan  
1 300 22 6262**

Waktu operasi: 8.30am  
– 5.30pm, Isnin hingga  
Jumaat, kecuali cuti umum

## Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta\* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

\*Pada Mar 2024

## Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.